

# Buletin FKA

## PENGAJIAN KEJURUTERAAN AWAM

### UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG

EDISI 2022



جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Pulau Pinang  
Kampus Permatang Pauh

eISSN 2716-6325



9 772716 632004

Diterbitkan pada 15 Oktober 2023

# MESYUARAT KHAS PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN AWAM MENJELANG AKREDITASI PROGRAM EC221

*Norlizan Wahid, Hazrina Ahmad, Badrul Nizam Ismail dan Muhammad Hafeez Osman*

Satu program Mock Accreditation telah diadakan pada 21-22 Jun 2022 sebagai persediaan untuk mempersiapkan semua ahli Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam UITMCPP bagi menghadapi lawatan Engineering Accreditation Council (EAC) yang akan berlangsung pada 12-13 Oktober 2022. Dua orang panel telah dijemput bagi menilai persediaan yang dibuat oleh Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam untuk lawatan Akreditasi nanti. Panel-panel tersebut adalah:

1. Prof Madya Ir. Dr. Zakaria Hussain daripada Pengajian Kejuruteraan Elektrik, UiTM Cawangan Pulau Pinang
2. Ir. Dr. Mustaqqim Bin Abdul Rahim, Pensyarah Kanan daripada Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam, Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP)

Sehubungan dengan itu, satu mesyuarat khas diadakan bagi meneliti semula hasil dapatan Mock Accreditation tersebut dan memastikan setiap ahli Pusat Pengajian dapat membuat persediaan sewajarnya menjelang akreditasi yang berlangsung dalam bulan Oktober 2023. Mesyuarat Khas tersebut dimulakan dengan Ketua Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam dan Ketua Program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam iaitu Dr. Anas Ibrahim dan Dr. Muhammad Faizal Pakir membentangkan hasil dapatan daripada program Mock Accreditation yang telah dijalankan. Antara hasil dapatan yang perlu diberi perhatian segera adalah:

- Terdapat pensyarah yang tidak mengetahui dan masih kurang faham tentang Program Outcome (PO) yang dipetakan kepada kursus tertentu
- Kebanyakkan pensyarah yang ditemubual masih kurang faham mengenai spesifikasi WP dan WK dalam Complex Problem Engineering
- Kebanyakkan pelajar masih kurang mengetahui tentang perlaksanaan OBE dan apa itu Program Outcome
- Pelajar tidak menyedari kewujudan system myReflection

Justeru, Unit OBE PPKA UITMPP telah diberi tanggungjawab untuk memberi penerangan dan mengingatkan semula semua ahli Pusat Pengajian berkenaan dengan proses perlaksanaan OBE Pusat Pengajian dan penggunaan Complex Problem Engineering di dalam proses penilaian setiap subjek.

Mesyuarat diteruskan dengan taklimat oleh Ketua Unit OBE, Dr. Hazrina Ahmad berkenaan dengan "Things you should know: Towards EAC Accreditation 2022". Tujuan utama taklimat tersebut diberikan adalah untuk memperkasakan pengetahuan semua pensyarah berkenaan dengan OBE dan pendedahan semula kepada konsep perlaksanaan OBE.



**Gambar 1 Dr. Muhammad Faizal Pakir (kiri) dan Dr. Anas Ibrahim (kanan) memberikan taklimat berkenaan dengan hasil dapatan Mock Accreditation**